

CNS2731

U GB 25-10 00171 BA835

aab

Mahathir - Chogm

DR MAHATHIR DUKACITA DENGAN CHOGM KALI INI'

Daripada Kuah Guan Oo

LIMASSOL (CYPRUS), 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dukacita dengan hasil persidangan kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini kerana terdapat pendirian yang berbeza-beza antara anggotanya, mengikut siapa yang menjadi kawan dan siapa yang menjadi lawan.

"Kita nampak masih terdapat 'double standard', iaitu pandangan yang dipengaruhi oleh masalah kawan atau lawan. Sebab itu, kita tak mendapat keseragaman atau 'uniformity' dalam keputusan," kata Perdana Menteri kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan CHOGM yang berakhir hari ini.

Namun Malaysia, sebagai anggota Komanwel, terpaksa menerima kata sepakat yang dicapai itu.

"Tetapi Malaysia berharap pandangannya dapat dikemukakan juga di tempat lain," tambahnya.

Dr Mahathir yang akan pulang ke tanahair petang ini menjelaskan, sementara Malaysia berkata sesuatu wilayah hendaklah diberikan kepada mereka yang menduduki tempat itu, ada pihak lain yang tidak menekankan perkara itu dan mahu wilayah yang ditakluki diberikan kepada orang yang mengklukinya. -- Lagi.

▼25/10/18-56MST

CNS2737

U GB 25-10 00145 BA836

aab

Mahathir - Chogm 2 (Akhir) Limassol

"Umpamanya di Bosnia, kita tahu kawasan orang yang menjadi mangsa penghapusan kaum akan diberi kepada orang Serbia," katanya sambil menambah bahawa itu menunjukkan kekuatan adalah kebenaran.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa masih tidak terlambat untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah Bosnia, dan dalam hal ini, Britain masih boleh mengambil tindakan ke arah itu.

"Saya yakin kalau ini melibatkan mana-mana negara NATO, mereka tidak akan kata bahawa kini sudah terlewat...jadi tidak boleh tolong lagi. Kita tidak boleh menerima pendapat begini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kehadiran Malaysia ke CHOGM kali ini membolehkannya mengemukakan pendapatnya mengenai beberapa isu antarabangsa.

Beliau juga mengadakan perjumpaan dua hala dengan rakan sejawatannya Paul Keating dari Australia, Goh Chok Tong dari Singapura dan Perdana Menteri baru Pakistan Benazir Bhutto. -- Bernama.

KGO NMO